

## → INSPIRASI

# Mahir bahasa Mandarin dalam 28 jam

→ Pensyarah UMP hasil buku Mandarin For All permudah pelajar bukan Cina

Oleh Mohd Rafi Mamat  
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

“Saya mengambil masa selama tiga tahun menggunakan buku bertajuk *Mandarin For All* untuk kegunaan mereka yang mahu belajar serta lulus ujian Kefasihhan Bahasa Mandarin (HKC).

“Saya yakin buku ini mudah difahami pelajar Melayu, India atau pun Orang Asli dan dalam masa 28 jam sahaja mereka dapat menguasai bahasa Mandarin dengan lancar tanpa perlu menghabiskan banyak masa di kelas,” kata Yong Ying Mei.

Pensyarah Bahasa Mandarin di Universiti Malaysia Pahang (UMP) berusia 33 tahun itu berkata, tujuan utama buku itu dihasilkan ialah untuk memberi peluang ke-

pada pelajar bukan Cina menguasai bahasa Mandarin dengan lebih mudah dan cepat.

Beliau berkata, buku itu juga disertakan dengan sistem khas yang boleh diakses menggunakan telefon bimbit untuk mempercepatkan lagi pemahaman dan kemahiran menyebut perkataan dalam bahasa Mandarin.

### Sambutan menggalakkan

Sejak diterbitkan awal tahun ini, katanya, buku *Mandarin For All* siri pertama mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar UMP termasuk mahasiswa kolej kerajaan dan swasta di negara ini yang menyediakan Pengajian Bahasa Mandarin.

“Setakat ini, 600 naskah buku terbabit terjual kebanyakannya kepada pelajar Bahasa Mandarin di UMP yang terdiri daripada semua kaum.



Yong Mei menunjukkan buku *Mandarin For All* dan anugerah yang diterima ketika ditemui di UMP, Kuantan, semalam.



Saya mengajar menggunakan kaedah sama yang ada dalam buku *Mandarin For All*, cara itu membolehkan pelajar cepat faham seterusnya boleh bertutur dengan lancar”

Yong Ying Mei,  
Pensyarah Bahasa Mandarin  
UMP

la berharga RM45 dan diedarkan oleh Bahagian Penerbitan UMP.

“Saya mengajar menggunakan kaedah sama yang ada dalam buku *Mandarin For All*, cara itu membolehkan pelajar cepat faham seterusnya boleh bertutur dengan lancar,” katanya di sini, semalam.

Ying Mei yang berpengalaman selama sembilan tahun sebagai pensyarah Bahasa Mandarin di UMP berkata, buku *Mandarin For All* adalah buku yang keenam dihasilkan sejak bertugas dengan UMP khusus bagi membantu pelajar mencatat keputusan cemerlang dalam peperiksaan HKC.

Beliau berkata, pelajar UMP yang mencatat keputusan cemerlang peperiksaan HKC berpeluang mendapat biasiswa daripada Kerajaan China dan kini ada enam pelajar menikmati kemudahan itu manakala setakat ini seramai 126

pelajar UMP berjaya lulus peperiksaan berkenaan.

### Terima enam anugerah

“Saya berpuas hati buku *Mandarin For All* yang dihasilkan melayakkan saya menerima enam anugerah peringkat kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun ini dan terbaru anugerah khas dan pingat emas pada Pameran Penyelidikan British Invention Show, di London bulan lalu.

“Peringkat kebangsaan pula, saya menerima Anugerah Buku Negara (ABN), selain anugerah pada Ekspo Penyelidikan, Penciptaan, Inovasi dan Teknologi (CITREX) dan Pameran Antarabangsa Penciptaan, Inovasi dan Teknologi (ITEX) di UMP,” katanya yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang bahasa dari Universiti Malaysia (UM).